

Pendekatan Keselamatan dan Kesejahteraan Pelajar untuk Sekolah-Sekolah di Malaysia

Student's Safety and Wellbeing Approach for Malaysian Schools

Marinah Awang^a & Norhazwani Suyanto^b

^{a,b} *Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, marinah@upsi.edu.my*

Abstrak

Keselamatan adalah satu keadaan yang selamat dan bebas daripada bahaya termasuk kecederaan dan risiko. Keadaan sekolah yang selamat dapat melahirkan budaya sekolah yang responsif serta dapat mengoptimumkan pembelajaran sosial, perkembangan emosi dan intelek pelajar. Walaupun premis sekolah ini dianggap sebagai premis yang mempunyai risiko rendah namun ia tidak bermakna sekolah adalah bebas daripada kemalangan dan kecederaan. Suasana persekitaran sekolah yang selamat dapat membentuk emosi yang positif kepada pelajar dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan diri pelajar dalam jangka yang panjang. Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh para sarjana untuk memahami mengenai keadaan keselamatan dan kesejahteraan seperti teori kebajikan sosiologikal dan model kesejahteraan pelajar, model USDOE, program bersepadu sekolah selamat dan model sekolah selamat. Tujuan kertas konsep ini ialah untuk meneroka model-model tersebut dan mencadangkan satu pendekatan yang lebih holistik bersesuaian dengan konteks persekitaran sekolah-sekolah di Malaysia.

Kata kunci: kemalangan dan kecederaan, model sekolah selamat, kesejahteraan pelajar, sekolah, malaysia

Abstract

Safety is a condition whereby it is a danger-free and safe from accidents and risks. A safe school environment can instill a responsive schools' culture as well as developing and optimizing social learning, emotional growth and cognitive development. Although a school is known as a low-risk premise, schools are not free from risks and danger. A safe school concept can nurture a positive attitude and subsequently improve student's self growth in a long term period. There have been various approaches that had been utilized by researchers to understand the issue on safety and wellbeing in schools, such as the sociological wellbeing theory and Student's Wellbeing model, USDOE model, Integrated Safe School program and Safe School model. The main intention of this paper was to explore these models and suggest a more holistic approach in the context of Malaysian schools.

Keywords: *accidents and injuries, safe school model, student's wellbeing, school, Malaysia*

PENGENALAN

Kemalangan dan kecederaan yang berlaku di dalam premis sekolah bukan lagi isu yang asing bagi negara setiap negara termasuk Malaysia. Aktiviti utama di sekolah ialah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan aktiviti yang dilakukan dalam proses pengajaran dan

pembelajaran tidak melibatkan peralatan atau mesin-mesin berat yang boleh mendatangkan bahaya. Reka bentuk bangunan, persekitaran sekolah dan aktiviti yang dijalankan oleh guru dan pelajar juga mempunyai kesan yang minimum terhadap risiko; oleh itu sekolah dikategorikan sebagai premis yang rendah risiko. Ironinya ialah sehingga ke hari ini kes-kes kemalangan, kecederaan dan kematian yang berlaku dalam kalangan pelajar masih berlaku tidak kira sama ada di dalam atau luar premis sekolah. Keselamatan bermaksud pelajar di sekolah bebas daripada sebarang kecederaan, kesakitan atau bahaya (Gregory, Cornell, & Fan, 2012).

Isu keselamatan dan kesejahteraan di sekolah bukan lagi sesuatu yang asing. Rekod data awal pendidikan di Amerika Syarikat dan negara lain menunjukkan bahawa terdapat 31 buah sekolah mencatatkan kematian yang ganas sepanjang 1 Julai 2010 sehingga 30 Jun 2011 (Zhang, Musu-Gillette, & Oudekerk, 2016). Seterusnya pada tahun 2012 pula terdapat sejumlah 1,364,900 pelajar yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 18 tahun mengadu menjadi mangsa bukan korban di sekolah. Daripada jumlah tersebut, 615,600 adalah mangsa kecurian dan 749,200 menjadi mangsa keganasan (serangan kecil dan keganasan yang serius). Menurut Zhang et al., (2016) lagi, sepanjang tahun 2011-2012, sejumlah 88% sekolah awam melaporkan bahawa kawalan akses sekolah adalah melalui pintu-pintu yang dipasang kunci automatik. 64% pula menggunakan kamera keselamatan untuk memantau sekolah. Pada tahun 2009-2010 pula, sejumlah 43% sekolah awam melaporkan kehadiran seorang atau lebih pengawal keselamatan di sekolah sekurang-kurangnya seminggu sekali.

Di Malaysia pula, pelbagai peristiwa kemalangan dan kecederaan yang berlaku yang dilaporkan di dalam akhbar. Jadual 1 menunjukkan kemalangan dan kecederaan yang berlaku akibat aktiviti pelajar di dalam dan luar premis sekolah dari tahun 2000 hingga 2017. Himpunan peristiwa tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan insiden melibatkan kematian, kecederaan di kepala, patah tulang dan luka. Berdasarkan kepada jenis insiden pula, majoriti kematian adalah disebabkan oleh tertimpa objek, keruntuhan struktur binaan, jatuh dan berkaitan dengan kejadian alam seperti banjir, sambar petir dan tanah runtuh. Tidak ketinggalan ialah kes-kes yang melibatkan tingkahlaku pelajar seperti bermain, cuai, gangguan emosi ataupun perbuatan delinkuen. Walaupun bilangan kemalangan yang berlaku ini secara relatifnya adalah rendah jika dibandingkan dengan jumlah pelajar di seluruh negara, namun kesan akibat kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa tetap serius.

Jadual 1: Laporan Akhbar Kes-Kes Kemalangan dan Kecederaan di dalam dan Luar Premis Sekolah Tahun 2000 Hingga 2017

Tahun	Bulan	Insiden	Lokasi kemalangan	Mangsa	Kasualiti
2000	Mac	Tiang gol tumbang	Padang sekolah	Pelajar lelaki 14 tahun	Maut
	Mac	Tiang gol tumbang	Padang sekolah	Pelajar lelaki 17 tahun	Maut
	Apr	Tiang gol tumbang	Padang sekolah	Pelajar lelaki 14 tahun	Maut
2008	Jan	Tiang gol tumbang	Padang sekolah	Murid lelaki 10 tahun,	Maut

2009	Okt	Jambatan gantung runtuh	Tapak perkhemahan di kawasan sungai	Dua murid perempuan 11 tahun. Murid perempuan 12 tahun.	Mati lemas
2010	Jan	Tragedi Bot Naga karam.	Latihan mendayung untuk pertandingan Bot Naga di kawasan perairan.	Lima pelajar lelaki dan seorang guru lelaki.	Mati lemas
	Okt	Lantai bilik darjah runtuh	Bilik darjah	Dua pelajar perempuan Lapan pelajar lelaki	Cedera
	Nov	Tiang gol tumbang	Padang sekolah	Murid lelaki 8 tahun	Maut
2011	Jan	Takal <i>flyingfox</i> terhayun	Aktiviti pengakap	Pelajar lelaki 14 tahun,	Maut
	Feb	Jatuh daripada tingkat dua	Bangunan sekolah	Pelajar perempuan, 17 tahun	Maut
	Sept	Tiang gol tumbang	Padang sekolah	Murid lelaki 11 tahun	Maut
2012	Feb	Di sambar petir	Padang sekolah	Murid lelaki 11 tahun Tiga murid dan seorang guru	Maut Cedera
	Apr	Di sambar petir	Tapak perkemahan	Lima pelajar lelaki, 13 hingga 16 tahun.	Cedera
	Jun	Hanyut di pukul ombak	Program perkemahan	Pelajar lelaki 16 tahun	Mati lemas
	Sept	Barbecued meletup	Tapak kawasan sekolah	Empat pelajar lelaki 16 tahun Pelajar lelaki 17 tahun Guru lelaki.	Melecur 25 – 45%
2013	Feb	Di sambar petir	Padang sekolah	Pelajar lelaki 17 tahun	Cedera
	Mei	Jatuh daripada tingkat tiga	Bangunan sekolah	Pelajar lelaki, 15 tahun	Maut
	Jul	Tiang gol tumbang	Padang sekolah	Pelajar lelaki 14 tahun	Maut
	Aug	Dapur mudahalih meletup	Tapak kawasan sekolah	Lima pelajar perempuan, 16 tahun. Guru perempuan	Melecur 15%
2014	Aug	Aktiviti letupan kuari	Bilik darjah	14 murid, 7 – 8 tahun Guru perempuan.	Cedera
	Sept	Jatuh daripada tingkat tiga	Bangunan sekolah	Pelajar lelaki, 13 tahun	Cedera
	Jan	Di patuk ular sawa	Luar pagar sekolah	Murid lelaki 8 tahun	Cedera
2014	Feb	Jatuh longkang	Kawasan sekolah	Murid lelaki 11 tahun	Cedera
	Feb	Di langgar bas sekolah	Depan pagar sekolah	Pelajar lelaki 13 tahun	Maut
	Apr	Disambar petir	Padang sekolah	Pelajar lelaki 13 tahun	Cedera
	Apr	Disambar petir	Perhentian bas sekolah	Dua pelajar lelaki 16 tahun	1 Cedera 1 Maut
Apr	Tertusuk jeriji besi longkang	Di luar pagar sekolah	Murid lelaki 10 tahun	Cedera	

	Apr	Terjatuh ke dalam longkang tidak bertutup	Dalam kawasan sekolah.	Murid lelaki 11 tahun	Cedera
	Apr	Heat stroke	Perkhemahan Kadet Polis.	Pelajar lelaki 17 tahun	Maut
	Mei	Kaki kiri terperosok di celah jeriji besi longkang	Di depan kelas.	Murid perempuan 12 tahun	Cedera
	Okt	Jatuh daripada siling	Dewan sekolah	Pelajar lelaki 15 tahun	Mati
	Okt	Jatuh daripada siling	Tingkat tiga bangunan sekolah	Murid lelaki 12 tahun	Kritikal dan Koma
	Okt	Terperosok jeriji longkang	Kawasan sekolah	Murid perempuan 8 tahun,	Cedera
2015	Mei	Disambar petir	Luar pagar sekolah	Murid perempuan 9 tahun Dua orang bapa yang berteduh di bawah pondok	Maut
	Mei	Jatuh daripada tingkat tiga	Bangunan sekolah	Murid Lelaki, 10 tahun	Cedera
2016	Feb	Jatuh dalam kumbahan	Dalam premis sekolah	Murid perempuan 7 tahun	Mati lemas
	Ogos	Jatuh daripada tingkat tiga	Bangunan sekolah	Pelajar lelaki, 16 tahun	Maut
2017	Sept	Kebakaran	Bangunan asrama	21 murid lelaki 2 warden lelaki	Maut

Sumber: News Straits Times, Berita Harian, Harian Metro dan Utusan Malaysia (2000 – 2017)

Senario sedemikian rupa telah mencetus kerisauan dalam kalangan masyarakat dan ibubapa tentang keselamatan anak-anak mereka ketika berada di sekolah. Ada di antara mereka yang mempertikaikan kredibiliti peranan *in loco parentis* pihak guru dan sekolah (Tie Fatt Hee, 2011). Keadaan dan perkembangan ini telah mengubah pandangan dan sikap ibubapa terhadap aktiviti persekolahan anak-anak mereka. Bagi ibubapa yang *paranoid* atau terlampau obses dengan keselamatan anak pula akan mengambil tindakan yang lebih ekstrim dengan tidak membenarkan anak-anak mereka menyertai sebarang aktiviti sekolah. Ada pula yang memindahkan anak mereka ke sekolah yang pada pendapat mereka mempunyai risiko lebih rendah berbanding sekolah asal (Furedi, 2001). Sekiranya keadaan ini berterusan akan membawa kerugian kepada diri pelajar dan ibubapa kerana tujuan para pelajar menjalankan aktiviti ialah untuk perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif yang sihat (Brussoni et al., 2012; Ward et al., 2010; Sandseter, 2013, PlayEngland, 2008; PlayScotland, 2011). Kesejahteraan dan emosi yang positif pula akan mempengaruhi corak kehidupan individu kearah mendapat ketenangan dan kehidupan (Johari & Pusphavalli, 2010).

KAJIAN LITERATUR

Definisi Keselamatan

Keselamatan merupakan satu situasi yang tiada bahaya, tiada ruang yang boleh menyebabkan bahaya dan perlindungan serta keadaan yang tidak berisiko dengan kemalangan (Holt, 2005). Keselamatan merujuk kepada suatu keadaan di mana suasana kerja itu selamat dan bebas dari risiko kemalangan (Raudhiah, Nakiah & Hashim, 2015). Keselamatan juga ditakrifkan sebagai perihal selamat, kesejahteraan, keamanan yang baik (Nurul Fazreen, 2013). Keselamatan dalam konteks sekolah meliputi aspek keselamatan bangunan, peralatan dan kemudahan sekolah (Zakaria & Ismail, 2014). Oleh hal yang demikian, keselamatan sekolah adalah sekolah yang terhindar daripada kemalangan yang disebabkan oleh kerosakan bangunan dan prasarana, kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas dan kebocoran gas, penyakit berjangkit, kecuaiian manusia dalam mengendalikan peralatan serta tingkah laku jenayah manusia (Norlia & Sufean, 2006). Kesedaran tentang amalan keselamatan merupakan satu perkara yang penting kepada majikan iaitu guru besar dan juga guru serta pelajar bagi memastikan keselamatan di kawasan sekolah terjamin serta dapat mengurangkan risiko kemalangan.

Definisi Kesejahteraan

World Health Organization (WHO, 2014) mentakrifkan kesejahteraan adalah keadaan fizikal yang sempurna iaitu mental dan kesejahteraan sosial yang tidak mempunyai sebarang penyakit atau keuzuran. Selain keadaan fizikal yang sempurna WHO menyatakan kesejahteraan juga boleh dicapai melalui pertumbuhan potensi setiap individu dimana mereka boleh melakukan aktiviti yang berfaedah dan boleh memberi manfaat kepada orang lain. Kesejahteraan berkait dengan perasaan manusia sebagai contoh kesan positif, kesan negatif dan kepuasan hidup (Diener, Suh, Lucas & Smith, 1999). Emosi positif (Syed Zakaria & Yahaya, 2006) ialah suka, gembira, tenang, bahagia, ceria, kasih, yakin, bersemangat, seronok dan sensitif kepada keadaan dan emosi. Emosi positif yang sedemikian ini akan meningkatkan kesejahteraan diri dalam jangka panjang (Cheng, 2004). Kesejahteraan juga dirujuk sebagai satu keadaan yang gembira, sihat atau makmur (Nelson, Tarabochia, & Koltz, 2015). Konsep kesejahteraan ini meliputi kesihatan, kebahagiaan dan kepuasan hidup seseorang. Oleh itu, kesejahteraan perlu dicapai bagi semua peringkat umur tidak kira dalam kalangan kanak-kanak, remaja malahan orang tua. Ini kerana kesejahteraan akan memberikan setiap individu merasai nikmat hidup dan kualiti hidup yang sebenar.

Teori Kebajikan Sosiologikal


Teori utama yang mendasari kerangka keselamatan dan kesihatan pelajar adalah Teori Kebajikan Sosiologikal Allardt (1989). Teori ini menerangkan sistem kebajikan terdiri daripada indikator objektif dan subjektif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Kebajikan yang dimaksudkan di dalam teori ini adalah kesejahteraan yang meliputi tahap dan kualiti hidup. Kesejahteraan pula dirujuk sebagai suatu keadaan yang berkemungkinan manusia berpuas hati tentang keperluan asas yang dimiliki. Indikator kesejahteraan di dalam teori ini mengandungi keperluan asas manusia yang berbentuk kebendaan dan bukan kebendaan. Seterusnya, teori ini terbahagi tiga kategori iaitu kepunyaan, kasih sayang dan kemanusiaan. Kepunyaan adalah keperluan kepada kebendaan

dan juga keperluan peribadi. Kasih sayang pula adalah keperluan sosial dan pembentukan hubungan dengan orang lain sementara kemanusiaan adalah merujuk kepada keperluan untuk perkembangan diri.

Jadual 2: Kategori dan Indikator dalam Teori Kebajikan Sosiologikal Allardt (1989)

	Indikator Objektif	Indikator Subjektif
Kepunyaan (Kebendaan dan keperluan peribadi)	Pengukuran objektif terhadap tahap kehidupan dan keadaan persekitaran	Ketidakpuasan dengan keadaan kehidupan
Kasih Sayang (Keperluan Sosial)	Pengukuran objektif terhadap perhubungan dengan orang lain	Perasaan subjektif berkaitan dengan perhubungan sosial
Kemanusiaan (Keperluan untuk perkembangan diri)	Pengukuran objektif terhadap perhubungan manusia dengan masyarakat dan alam semulajadi	Perasaan subjektif dengan pengasingan – perkembangan diri

Teori Kebajikan Sosiologikal Allardt (1989) ini menjadi asas kepada Model Kesejahteraan Sekolah yang dicipta oleh Konu dan Rimpela (2002). Berdasarkan Rajah 1, terdapat tiga domain penting yang saling berkaitan di sekolah iaitu pengajaran dan pendidikan, Pembelajaran dan Kesejahteraan. Ketiga-tiga domain ini saling bergantung dan memberi impak kepada kesejahteraan pelajar di sekolah. Bukan itu sahaja malah keadaan persekitaran di dalam sekolah juga dipengaruhi oleh persekitaran di rumah dan juga di komuniti. Domain kesejahteraan dalam model ini terbahagi kepada empat elemen utama iaitu kepunyaan, kasih sayang, manusia dan kesihatan. Elemen pertama adalah Kepunyaan merujuk kepada enam item di bawah Keadaan sekolah iaitu; Suasana dan persekitaran; Subjek sekolah dan organisasi; Jadual dan saiz kelas; Hukuman dan keselamatan; Perkhidmatan dan penjagaan kesihatan; dan juga Pemakanan di sekolah. Elemen kedua ialah Kasih sayang iaitu Perhubungan sosial yang terdiri daripada tujuh item iaitu; Iklim sekolah; Kumpulan dinamik; Perhubungan guru dan pelajar; Perhubungan sesama pelajar; Buli; Kerjasama dengan ibu bapa; dan Pengurusan. Seterusnya adalah elemen ke tiga iaitu Manusia yang berkaitan dengan pemenuhan potensi diri. Elemen ini melibatkan enam item; Nilai kerja pelajar; Kemungkinan untuk...; Panduan dan galakan; Pengaruh sekolah dalam membuat keputusan; Peningkatan *self esteem*; dan Kreativiti. Akhir sekali adalah Elemen yang ke empat iaitu Kesihatan yang terdiri daripada empat item yang berkaitan dengan kesihatan seperti; Simptom-*psychosomatic*; Penyakit kronik; Penyakit dan Selsema.




Rajah 1: Model Kesejahteraan Sekolah

Sumber: Terjemahan daripada Model Kesejahteraan Sekolah, Konu, Lintonen & Rimpela (2002)

Model USDOE (United States Department of Education, Safe and Supportive Schools)


Model USDOE (*United State Department of Education Safe and Supportive Schools*) ini telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik di Amerika Syarikat (Bradshaw, Waasdrp, Debnam &

Johnson, 2014) untuk memberi inisiatif kepada sekolah-sekolah untuk menjalankan program keselamatan dan kesihatan. Model asal ini terbahagi kepada tiga bahagian yang utama iaitu keselamatan, penglibatan dan persekitaran atau di panggil 3 skala dan 10 sub-domain, sepertimana yang ditunjukkan melalui Rajah 3.



Rajah 2: Model USDOE, 2014

Berdasarkan model ini, Bradshaw, Waasdrp, Debnam dan Johnson (2014) telah menghasilkan satu soal selidik iaitu *Maryland Safe and Supportive Schools Climate Survey (MDS3)* yang berkaitan dengan iklim sekolah. Iklim sekolah merupakan satu faktor bagi keciciran, ketidakhadiran dan ponteng sekolah, penggunaan dadah, kelakuan keganasan dan agresif di kalangan pelajar. Kerja-kerja Bradshaw, Waasdrp, Debnam dan Johnson (2014) kemudian diteruskan dan ditambahbaik dengan membina satu pengukuran berkaitan keadaan iklim sekolah iaitu MDS3 (Rajah 3).



Rajah 3: Penambahbaikan Model USDOE (2014) selepas penyelidikan berdasarkan Maryland Safe and Supportive Schools Climate Survey (MDS3)

Penambahbaikan yang dilakukan terhadap Model USDOE ini akhirnya telah membawa kepada penamaan semula 3 skala asal daripada Penglibatan, Keselamatan dan Persekitaran yang ditukarkan kepada Faktor. Begitu juga berlakunya beberapa penambahan kepada sub-domain skala-skala tersebut iaitu daripada 10 kepada 13 sub domain sepertimana ditunjukkan dalam Rajah 3.

Modul Program Bersepadu Sekolah Selamat dan Model Sekolah Selamat

Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan sekolah untuk memastikan sekolah sebagai sebuah tempat bekerja yang selamat dan sihat kepada guru, kakitangan sokongan, pelajar dan pelawat. Terdapat garis panduan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha ke arah penyediaan keselamatan dan kesihatan di premis sekolah. Program-program seumpama ini bukan merupakan perkara yang baru di sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun mengambil banyak langkah yang positif ke arah memastikan unsur-unsur keselamatan dan kesihatan di sekolah diamalkan untuk mengekalkan kesejahteraan warga sekolah. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti Rancangan Kesihatan Sekolah (RKS) sejak tahun 1967, Projek Sekolah Selamat pada tahun 2002, dan Program 3K (keceriaan, kebersihan dan keselamatan). Di samping itu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melancarkan Modul Program Bersepadu Sekolah Selamat pada tahun 1999 untuk menyelaraskan semua program keselamatan dan kesihatan di sekolah sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 4.




Rajah 4: Konsep PBSS (Program Bersepadu Sekolah Sihat)

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia & Kementerian Pendidikan Malaysia. Modul Latihan PBSS, 1999.

Program bersepadu ke arah sekolah sihat ini mengambilkira keterlibatan agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Kesihatan, Polis, Badan-badan berkanun dan masyarakat. Ekoran daripada PBSS, diwujudkan pula Projek Sekolah Selamat pada tahun 2002 yang berfokuskan kepada ‘inisiatif untuk menjadikan murid lebih selamat’ tanpa gangguan daripada mana-mana pihak sama ada dari dalam mahupun luar. Pelbagai perancangan yang dibuat untuk mewujudkan “Budaya Selamat” di sekolah dan persekitarannya secara berterusan dengan sokongan keluarga dan komuniti setempat (KPM, 2002).

Model Sekolah selamat ini adalah model yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2002 (KPM, 2002). Dalam usaha untuk merealisasikan polisi sekolah selamat ini warga sekolah perlu memainkan peranan masing-masing dalam menyediakan prasarana yang selamat dan kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pihak sekolah juga bertanggungjawab untuk memastikan semua warga sekolah sentiasa selamat semasa pergi dan balik dari sekolah termasuk keselamatan dalam menjalankan aktiviti kokurikulum atau aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah. Pihak sekolah juga perlu mengambil langkah yang tegas dengan menguatkuasakan peraturan di sekolah. Apabila pihak sekolah tahu akan peranan yang perlu diambil serius pastinya kejadian kemalangan dapat diatasi dengan baik.

Seterusnya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan satu manual sekolah selamat untuk dijadikan rujukan kepada sekolah. Manual ini mempunyai lima bidang utama iaitu bidang aktiviti murid, bidang bencana alam, bidang fizikal dan bangunan sekolah, bidang sosial serta bidang persekitaran dan lokasi sekolah. Dalam bidang aktiviti murid terdapat tiga aspek utama iaitu keselamatan diri murid semasa perjalanan pergi dan balik sekolah yang merangkumi keselamatan murid pergi dan balik menaiki kenderaan awam, bot/sampan, motosikal, basikal, berjalan kaki serta dihantar ibu bapa. Keselamatan menjalankan aktiviti kokurikulum pula adalah yang merangkumi sukan dan permainan, unit beruniform, kelab dan persatuan serta aktiviti gotong-royong. Sementara aspek yang terakhir adalah kegiatan luar yang terdiri daripada keselamatan murid ketika lawatan sambil belajar, keselamatan ketika perkhemahan di dalam hutan serta di kawasan berair. Seterusnya adalah bidang bencana alam yang melibatkan keselamatan ketika banjir, kebakaran, perubahan cuaca serta wabak penyakit. Bidang keselamatan fizikal dan peralatan elektrik pula merangkumi keselamatan dalam pendawaian dan peralatan elektrik, keselamatan tandas, keselamatan peralatan, kerosakan perabot kelas, keselamatan penghuni asrama, keselamatan makmal sains, keselamatan bengkel, keselamatan perpustakaan, keselamatan padang dan gelanggang permainan, keselamatan stor, kebun dan sains pertanian, keselamatan di kawasan sunyi dan gelap serta keselamatan semua bangunan dalam kawasan sekolah (24 jam). Bidang sosial pula berfokus kepada keselamatan murid jika berlakunya gangguan seksual, gangguan emosi, keharmonian kaum di sekolah, membuli atau pelacuan, peras ugut dan sumbang muhram. Bidang yang terakhir adalah bidang persekitaran dan lokasi sekolah yang melibatkan keselamatan sekiranya air bergerak seperti sungai, laut, air terjun dan jeram, air statik seperti kolam, tasik dan lombong, jalan raya, lebuh raya, rel kereta api elektrik, bukit dan tanah tinggi, perumahan dan bandar besar, pendalaman dan kawasan rancangan.




Rajah 4: Model Sekolah Selamat

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (2002)

Lima bidang ini perlu diberi perhatian bagi menjamin keselamatan murid ketika mereka berada di sekolah atau melakukan aktiviti di dalam mahupun luar sekolah. Ini kerana apabila jenayah atau keganasan di luar sekolah mula menular ke dalam sekolah maka persekitaran yang selamat untuk pembelajaran menjadi bertambah sukar. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil peranan masing-masing dan menyambut baik konsep sekolah selamat yang telah digubal oleh KPM untuk dilaksanakan di sekolah agar institusi pendidikan di Malaysia dapat berfungsi dengan baik sebagai tempat mendidik serta menimba ilmu dan bebas daripada gangguan fizikal, mental dan emosi. Selain itu, masalah seperti merasa tidak selamat, takut, bimbang, risau, dibuli, tertekan, tidak menyeronokkan, tidak selesa yang menghantui perasaan dan pemikiran sebilangan warga sekolah serta ibu bapa dan penjaga seharusnya dapat dicegah dan ditangani. Rajah 4 merupakan Model Sekolah Selamat yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan model ini, pihak KPM menekankan bahawa kewujudan budaya selamat di sekolah boleh di pupuk dengan cara permuafakatan di antara tiga penjuror iaitu sekolah, komuniti dan keluarga yang akan mempertingkatkan keselamatan dan rasa selamat murid-murid sekolah.

Kerangka Konseptual Model 3S

Berdasarkan Model Sekolah Selamat (KPM, 2002), Model Kesejahteraan Sekolah (Konu & Rimpela 2002) dan Model USDOE, yang merupakan Model Sokongan sekolah selamat yang telah dikemaskini oleh Bradshaw, Waasdrp, Debnam dan Johnson (2014), maka kajian ini mencadangkan satu kerangka konseptual yang dinamakan Model 3S iaitu Sekolah Selamat dan Sejahtera yang berteraskan kepada dua domain utama iaitu Selamat dan Sejahtera. Domain Selamat berfokuskan kepada enam aspek yang perlu diberikan perhatian bagi mewujudkan keadaan rasa selamat pada pelajar sekolah. Aspek-aspek ini lebih menekankan kepada aktiviti dan pengurusan. Enam aspek tersebut ialah Pergerakan pelajar; Keadaan sekolah; Suasana pembelajaran; Aktiviti kokurikulum; Pengurusan sosial dan Pengurusan bencana. Seterusnya bagi domain Sejahtera pula, aspek-aspek lebih bertumpu kepada keadaan emosi, mental dan fizikal pelajar yang boleh memberi impak kepada keadaan kesejahteraan pelajar. Empat aspek di bawah domain Sejahtera ialah Persekitaran sekolah; Hubungan sosial; Sokongan dan potensi diri dan Kesihatan diri. Kedua-dua domain Selamat dan Sejahtera mempunyai hubungan *reciprocal* atau timbal-balik yang masing-masing menyumbang kepada perasaan dan keadaan yang selamat dan sejahtera.



Rajah 5: Kerangka Konseptual Model 3S

KESIMPULAN

Kehidupan masyarakat sentiasa terdedah kepada risiko dan bahaya. Sekolah selamat dan sejahtera tidak akan tercapai tanpa penglibatan yang bersepadu daripada ibubapa dan masyarakat. Sekolah merupakan tempat yang sesuai untuk memupuk budaya selamat dan sejahtera ini. Oleh hal yang demikian kerangka konseptual Model 3S yang dibina diharapkan dapat memberikan sumbangan ke arah memahami peranan yang boleh dimainkan demi mencapai aspirasi murni keselamatan dan kesejahteraan sekolah.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan-Peraturan (Pindaan Ogos 2011). Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd.
- Allardt, E. (1989). An updated indicator system: having, loving, being. Working papers 48, Department of Sociology, University of Helsinki
- Ball, D.J and Ball-King, L. (2012). Safety management and public spaces: restoring balance. *Risk Analysis*, DOI: 10.1111/j.1539-6924.2012.01900.x
- Ball, D.J and Ball-King, L. (2012). *Public safety and risk assessment*. Improving decision making. London: Earthscan
- Blum, RW & Libbey, HP. (2004). Executive summary. *Journal School Health*, Vol. 74, pp. 231 – 232.
- Bohlander, G., Snell, S. and Sherman, A. (2001). *Managing human resources*, 12th Edition. USA: South-Western College Publishing.
- Borger, H. (2006). “OSH in Schools”. *National Safety*, Vol. 77 No., 10, p. 36.
- Brussoni, M., Olsen, L L., Pike, I., & Sleet, D A. (2012). Risky play and children’s safety: balancing priorities for optimal child development. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, Vol. 9 No.1, pp. 3134–3148.
- Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Panduan pengurusan 3K*. Kuala Lumpur: Permai Padujaya Sdn.Bhd.
- Bradshaw, C.P, Waasdrp, T.E, Debnam, K.J. & Johnson, S. L. (2014). Measuring school climate in high schools: a focus on safety, engagement the enviroment. Petikan pada Feb 7, 2017 daripada <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/25117894>
- Cheng, S. (2004). Endowment and contrast: the role of positive and negative emotions on well-being appraisal. *Personality and Individual Differences*, 37(5), 905-915.
- Diener, E., Suh, E.M., Lucas, R.E., & Smith, H.L. (1999). Subjective well being: Three decades of progress. *Psychological Bulletin*, 125(2), 276-302.
- Gregory, A., Cornell, D., & Fan, X. (2012). Teacher safety and authoritative school climate in high schools. *American Journal of Education*, 118(4), 401–425. <https://doi.org/10.1086/666362>
- Holt, A. S. J. (2005). *Principles of construction safety*. Oxford: Blackwell science.
- Johari, H., & Pusphavalli, R. (2010). Konsep sendiri dan kesejahteraan hidup. *My Science Work*, (1949).
- Kementerian Kesihatan Malaysia & Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Modul Latihan Program Bersepadu Sekolah Sihat*. KPM: Bahagian sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). Konsep dan manual sekolah selamat: panduan pelaksanaan menjadi sekolah, komuniti dan keluarga selamat untuk kanak-kanak.
- Konu, A.I., Lintonen, T.P., & Rimpela, M.K. (2002). Factors associated with school childrens general subjective well-being. *Health Education Research*, 17 (2), 155-165. Petikan pada Feb 7, 2017 daripada <http://www.her.oxfordjournals.org/cgi/content/full/17/2/155>
- Nelson, M. D., Tarabochia, D. W., & Koltz, R. L. (n.d.). PACES: a model of student well-being mark D. Nelson, Dawn W. Tarabochia, and Rebecca L. Koltz Montana State University.
- Norlia Arshad & Sufean Hussin. (2006). Dasar sekolah selamat: tinjauan di satu zon bandar raya Kuala Lumpur. *Jurnal Pendidikan*. 26, 27-36
- Neo, R, Hollenbeck., J, Gerhart, B & Wright, P. (2014). *Human Resource Management*. (9th Edition). USA: McGraw Hill.
- Play England. (2008). *Playday 2008 Opinion poll summary*. London: National Children’s Bureau.
- Play Scotland. (2011). *Getting it right for play. The power of play: an evidence base*. Scotland: Midlothian Innovation Centre

- Raudhiah, N., Nakiah, S., & Hashim, A. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesadaran pekerja terhadap amalan keselamatan pekerjaan: kajian kes di sebuah syarikat logistik. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM)*, 2015(November), 210–220.
- Sandseter, E B H. (2013). Early childhood education and care practitioners' perceptions of children's risky play: Examining the influence of personality and gender. *Early Childhood Development and Care*, Vol. 184 No. 3, pp. 434 – 449.
- Sharifah Akmam Syed Zakaria & Ahmad Shukri Yahaya. (2006). Tinjauan tentang reaksi emosi ditempat kerja: Satu aspek pengurusan sumber manusia dalam organisasi. *Jurnal Teknologi*, 44(E), 1-11(UTM).
- Tie Fatt Hee. (2011). *Education law in Malaysia. Principles and practice*. Malaysia: Sweet & Maxwell Asia.
- Ward, D S., Vaughn, A., McWilliams, C & Hales, D. (2010). Interventions for increasing physical activity at child care. *Medicine and Science in Sports and Exercise*, Vol. 42 No. 3, pp. 526 – 534.
- Syed Zakaria, S. A. (USM), & Yahaya, A. S. (USM). (2006). Tinjauan tentang reaksi emosi di tempat kerja: satu aspek pengurusan sumber manusia dalam organisasi. *Jurnal Teknologi*, 44, 1–11.
- World Health Organization, (2014). Dipetik daripada <http://www.who.int/en/>
- Zakaria, Safial aqbar, & Ismail, A. (2014). Impak cahaya dan pencahayaan terhadap keselamatan warga di sekolah. *Igarss 2014*, (1), 1–5. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Zhang, A., Musu-Gillette, L., & Oudekerk, B. A. (2016). Indicators of school crime and safety: 2015. National Center for Education Statistics, 1998. Di petik daripada <https://doi.org/10.1037/e541412012-001>